



Headline: RM32,450 dalam akaun disapu 'pegawai LHDN' Language: Malay

Publication/Portal: Harian Metro

Date: 24 February 2022

Section: Lokal

Page: 21

RM32,450 dalam akaun disapu 'pegawai LHDN'

Jempol: Penuntut lelaki sebuah kolej di Melaka kerugian RM32,450 selepas menjadi mangsa penipuan *Macau Scam* dalam kejadian pada Ahad lalu.

Ketua Polis Daerah Jempol, Superintendan Hoo Chang Hook berkata, mangsa berusia 21 tahun itu pada mulanya menerima panggilan daripada seorang suspek mendakwa pegawai daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Ibu Pejabat Kuala Lumpur.

Beliau berkata, 'pegawai LHDN' itu mendakwa mangsa mempunyai tunggakan bayaran bagi syarikat didaftarkan atas namanya.

"Mangsa memberitahu suspek tidak mempunyai sebarang syarikat sebelum diminta menyerahkan nombor akaun bank bagi tujuan sekatan.

"Disebabkan panik, mangsa mengikut arahan suspek dan memberi satu nombor akaun bank miliknya," katanya.

Hoo berkata, mangsa menyedari ditipu sebelum membuat semakan dan mendapati ada transaksi pengeluaran wang dari akaunnya ke akaun individu lain.

Beliau berkata, wang milik mangsa dipindahkan ke dua akaun berasingan membabitkan jumlah RM20,850 dan RM11,600.